

# UPM Young Doctors' Day 2016



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai 'UPM Young Doctors Day 2016' baru-baru ini

**J**ABATAN Patologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Putra Malaysia (UPM), buat julung kalinya menganjurkan program 'UPM Young Doctors Day 2016' bagi memberi kesedaran penjagaan kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Timbalan Dekan Siswazah, Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Industri dan Masyarakat, FPSK, Prof. Dr. **Amin Ismail** berkata, program itu bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama strategik universiti bersama masyarakat menerusi program berteraskan kesihatan.

"Program ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pembangunan kesihatan masyarakat, mencari penyelesaian kepada permasalahan kesihatan semasa negara serta usaha mentransformasikan masyarakat sihat.

"Pelbagai modul interaktif yang menarik dan bersesuaian dengan pelajar sekolah rendah dihasilkan oleh para fasilitator, Bahan modul yang kreatif serta inovatif ini berjaya menarik minat seramai 180 orang pelajar Tahun 5 untuk meneroka dunia